

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA TERENGGANU
DALAM PERKARA PENGGULUNGAN SYARIKAT NO: TA-28NCC-39-12/2024
PER: K & Y MOBILE SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 201701043838(1258011-A))

NOTIS JUALAN SECARA TENDER AWAM KALI KEDUA

Perintah Penggulungan Syarikat telah dibuat pada 5.2.2025. Dengan ini Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat K & Y Mobile Sdn Bhd akan menjual aset yang disenaraikan dalam Jadual secara Tender Awam.

BIL.	MAKLUMAT HARTA	UNIT	NILAI PASARAN SEUNIT (RM)	HARGA RIZAB (NILAI PASARAN KESELURUHAN SELEPAS PENURUNAN 10%) (RM)
1.	Scandinavian Bar Stool	2	50.00	90.00
2.	Chrome Chair	2	25.00	45.00
3.	'Khind' 16 Stand Fan	1	60.00	54.00
4.	'Elba' 16 Table Fan	1	30.00	27.00
5.	'Display Stand' W1200 x D300 x H2400	1	300.00	270.00
6.	"HP" Compaq Pro 6300 SFF Desktop PC c/w "DELL" monitor, cabling & mouse	1	300.00	270.00
7.	"LENOVO" Thinkpad T430 c/w mouse & cabling	1	500.00	450.00
	Jumlah Keseluruhan	9		RM1,206.00

1. Tawaran yang ingin dibuat hendaklah menggunakan surat tawaran di lampiran G dan dimasukkan ke dalam sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dituliskan dengan **"TAWARAN UNTUK MEMBELI ASET MILIK SYARIKAT K & Y MOBILE SDN BHD"** pada sudut kiri sebelah atas sampul surat. Surat tawaran tersebut hendaklah dikemukakan sama ada melalui pos atau dengan tangan kepada alamat yang berikut :

Peti Tender Khas
Jabatan Insolvency Malaysia
Cawangan Terengganu
Aras 5, Wisma PERKESO
Lot 2467, Jalan Air Jernih
20538 Kuala Terengganu
TERENGGANU

2. Setiap tawaran hendaklah disertakan dengan wang deposit dalam bentuk draf bank/wang pos sebanyak 10% daripada harga yang ditawarkan dan hendaklah dibayar atas nama “**Ketua Pengarah Insolvensi (No.Insolvensi : LC002760/2024)**”
Tawaran yang tidak disertakan dengan wang deposit atau jumlah wang deposit yang tidak mencukupi akan ditolak.

3. Bagi penawar yang tidak berjaya wang deposit akan dikembalikan tanpa faedah.

4. Sekiranya penawar yang berjaya tidak menjelaskan wang baki (90%) dalam tempoh **Sembilan Puluh (90) hari** dari tarikh pemberitahuan penerimaan tawaran tersebut atau tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat K & Y Mobile Sdn. Bhd., maka penjualan ini dianggap terbatal dan wang deposit tersebut tidak akan dikembalikan.

5. Semua penawar dianggap telah memeriksa dan mengetahui keadaan asset tersebut dan penjualan ini secara **keadaan seperti sedia ada (*as is where is basis*)**.

6. Tunggakan cukai dan caj yang dikenakan sebelum tarikh Perjanjian Jual Beli akan ditanggung oleh Penjual. Segala urusan dan kos pemindahan aset termasuk kos membersihkan premis tersebut ditanggung oleh Pembeli (Penawar) yang berjaya (jika berkenaan).

7. Tawaran akan ditutup pada **25.03.2026**, jam **12.00 tengahari** dan tawaran yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan diproses.

8. Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat K & Y Mobile Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.

9. Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) Cawangan Terengganu akan mengadakan Hari Lawat Periksa untuk penawar membuat pemeriksaan aset pada ketentuan berikut:

Tarikh : **16.03.2026**
Masa : **9.00 pagi hingga 12.00 tengahari**
Lokasi: **Jabatan Insolvensi Malaysia
Cawangan Terengganu
Aras 5, Wisma PERKESO
Lot 2467, Jalan Air Jernih
20538 Kuala Terengganu
TERENGGANU**

10. Tawaran yang berjaya akan tertakluk kepada terma dan syarat dalam perjanjian yang ditetapkan. Bagi penjualan harta tanah hendaklah mendapat kelulusan pindah milik daripada Pihak Berkuasa Negeri (jika berkenaan)

11. Sebarang pertanyaan sila hubungi Encik Ally Affy bin Amran di nombor telefon 09-6233066 atau melalui e-mel: ally.amran@mdi.gov.my daripada Jabatan Insolvensi Negeri Terengganu.

Bertarikh pada : 05.03.2026



A'THIFAH BINTI IBRAHIM

Penolong Kanan Pegawai Penerima

Jabatan Insolvensi Negeri Terengganu

b.p Pegawai Penerima Malaysia

dan Pelikuidasi Syarikat K & Y Mobile Sdn Bhd

[Rujukan: LC002760/2024(9/2025)]

ASET UNTUK DIJUAL




Scandinavian Bar Stool ditanda sebagai A1 & A2
2 Unit



Chrome Chair ditanda sebagai A3 & A4
2 Unit




'Khind' 16 Stand Fan ditanda sebagai A5
1 Unit



'Elba' 16 Table Fan ditanda sebagai A6
1 Unit



'HP Compaq Pro 6300 SFF Desktop PC ditanda sebagai A7 (1 Unit)



**"LENOVO" Thinkpad T430 ditanda sebagai A8
1 Unit**



'Display Stand' W1200 x D300 x H2400 ditanda sebagai A9 (1 Unit)